International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

Kecerdasan Emosi dan Pencapaian Akademik Murid Sekolah Rendah di Malaysia: Faktor, Cabaran dan Strategi

Pui Enn Pricilla[1, 2], Muhammad Syawal Amran[1]
[1]*Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia*
[2]*Sekolah Kebangsaan Kg Melayu, Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia*
Corresponding Author: *Pui Enn Pricilla*

Date of Submission: 06-10-2026 Date of Acceptance: 17-10-2026

Abstrak: Kertas konsep ini meneroka hubungan antara kecerdasan emosi dan pencapaian pelajar dalam konteks pendidikan. Kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam membentuk keseluruhan kejayaan pelajar, termasuk pencapaian akademik, perkembangan sosial, dan kesejahteraan psikologi. Dengan memahami dan mengasah kecerdasan emosi, pelajar dapat memperoleh kemahiran seperti kesedaran diri, pengendalian emosi, motivasi diri, empati, dan kemahiran sosial, yang penting untuk mengatasi cabaran akademik dan kehidupan. Institusi pendidikan perlu menyokong pembangunan kecerdasan emosi melalui pelbagai langkah, termasuk integrasi kecerdasan emosi dalam kurikulum, latihan guru yang berkaitan, dan pembinaan persekitaran pembelajaran yang inklusif. Dengan pendekatan holistik ini, institusi pendidikan dapat mencipta lingkungan pembelajaran yang menyokong perkembangan holistik pelajar, memberikan mereka kemahiran dan alat untuk mencapai potensi maksimum mereka dalam kehidupan dan pencapaian akademik.

Kata kunci: *kecerdasan emosi, pencapaian akademik, pendidikan, Malaysia*

Abstract: This concept paper explores the relationship between emotional intelligence and student achievement in the context of education. Research indicates that emotional intelligence plays a vital role in shaping overall student success, including academic achievement, social development, and psychological well-being. By understanding and nurturing emotional intelligence, students can acquire skills such as self-awareness, emotional regulation, self-motivation, empathy, and social skills, which are crucial for overcoming academic and life challenges. Educational institutions need to support the development of emotional intelligence through various measures, including integrating emotional intelligence into the national curriculum, relevant teacher training, and creating inclusive learning environments. With this holistic approach, educational institutions can create supportive learning environments that foster students' holistic development, providing them with the skills and tools to reach their maximum potential in life and academic achievement.

Keywords: *Emotional intelligence, academic performance, education, Malaysia*

I. Pengenalan

Pendidikan memainkan peranan yang sangat penting di mana-mana negara untuk pembangunan generasi pelapis berdaya saing dan berwibawa, dan ia merupakan tunjang utama dalam merealisasikan aspirasi sesebuah negara. Peningkatan taraf pendidikan, khususnya dari segi kualiti, kuantiti, standard, kecemerlangan dan akreditasi yang diakui dan diterima di peringkat antarabangsa, diberi penekanan oleh kerajaan Malaysia agar setanding dengan tahap sebagaimana di negara-negara maju yang lain. Kurikulum di Malaysia telah melalui beberapa perubahan untuk memastikan ia relevan dengan keperluan masa kini. Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) merupakan antara reformasi yang menekankan pembangunan holistik murid, termasuk aspek kognitif, afektif dan psikomotor (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Kementerian Pendidikan Malaysia bertekad untuk meningkatkan pencapaian murid dengan menyediakan sistem pendidikan yang efisien melalui pembentukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Antara beberapa inisiatif terkini Kementerian Pendidikan Malaysia termasuk penstrukturan semula sistem prasekolah, pengenalan Kurikulum Persekolahan 2027 dan intervensi kurikulum bagi mengatasi isu keciciran pembelajaran (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2024). Tumpuan turut diberi kepada pembangunan guru di mana pelbagai program ditawarkan untuk meningkatkan kompetensi dan profesionalisme guru dalam perkhidmatan.

Kecerdasan emosi, iaitu keupayaan mengenal pasti, memahami, mengurus dan

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

menggunakan emosi secara berkesan (Mayer & Salovey, 1997), penting kepada murid, guru dan sekolah kerana menyokong pencapaian akademik serta perkembangan peribadi. Murid yang mempunyai kecerdasan emosi tinggi lebih mampu mengurus tekanan dan kebimbangan terhadap peperiksaan, mengekalkan fokus, daya tahan, motivasi dan keyakinan, serta mengamalkan tabiat belajar yang produktif (Parker et al., 2004; Nurul Aina Najihah Zurin & Shahlah Surat, 2024). Hal ini selaras dengan teori Goleman yang meletakkan motivasi sebagai salah satu domain utama kecerdasan emosi, di samping peranannya dalam meningkatkan kesihatan mental murid (Muhamad Salehan Alhafiz Mat Wajar et al., 2022). Kecerdasan emosi turut dikaitkan dengan kawalan diri dan keupayaan menetapkan matlamat, yang menurut Duckworth et al. (2007) merupakan peramal prestasi akademik yang lebih kuat berbanding kecerdasan intelek. Murid juga dapat berkomunikasi, membina hubungan, menyelesaikan konflik dan bekerjasama dengan lebih baik (Salovey & Mayer, 1990; Brackett et al., 2011), manakala keupayaan mengurus emosi mengukuhkan motivasi intrinsik, penglibatan dalam pembelajaran dan pemahaman yang lebih mendalam (Ryan dan Deci, 2000). Selain meningkatkan pemikiran kritis, pembuatan keputusan dan penyelesaian masalah (Mayer et al., 2004; Brackett et al., 2011), kecerdasan emosi membantu guru mewujudkan persekitaran pembelajaran yang selamat, positif dan kondusif. Murid yang berasa difahami dan disokong lebih aktif, bermotivasi dan kurang menunjukkan masalah tingkah laku (Jennings & Greenberg, 2009). Guru juga boleh mengembangkan empati, komunikasi dan penyelesaian konflik melalui strategi pembelajaran koperatif seperti *Think, Pair, Share*, *Gallery Walk* dan *Share n Turn* (Durlak et al., 2011), di samping memberikan sokongan khusus kepada murid yang mengalami masalah pembelajaran atau gangguan emosi dan tingkah laku. Pendekatan ini meningkatkan ekuiti pendidikan sejajar dengan aspirasi sistem pendidikan Malaysia (Kementerian Pendidikan Malaysia 2012) serta membantu murid membina strategi daya tindak dan pemikiran positif (Salovey & Mayer, 1990). Pada peringkat sekolah, pembangunan kecerdasan emosi memperkukuh pencapaian akademik, tabiat belajar, pengurusan masa dan penetapan matlamat (Goleman, 1995; Brackett et al., 2011), di samping mengurangkan ponteng, buli, tingkah laku agresif dan penyalahgunaan bahan serta mewujudkan iklim sekolah yang selamat dan mesra (Parker et al., 2004; Jennings & Greenberg, 2009). Kemahiran komunikasi, empati dan penyelesaian konflik pula membina budaya kolaboratif (Durlak et al., 2011), meningkatkan kesejahteraan mental (Mayer et al., 2008), menyediakan murid untuk kejayaan peribadi dan profesional seperti yang dinyatakan oleh Goleman, serta menggalakkan penglibatan, ketabahan dan rasa ingin tahu (Duckworth & Seligman, 2005). Dalam pendidikan inklusif, kecerdasan emosi membantu mewujudkan persekitaran yang menghormati kepelbagaian dan memastikan murid berkeperluan khas tidak dinafikan peluang persekolahan, selaras dengan Zero Reject Policy. Pelaksanaan Pembelajaran Sosial dan Emosi (SEL) juga dapat meningkatkan kesejahteraan, pencapaian, kemahiran kognitif, motivasi serta hubungan antara murid, guru, sekolah dan keluarga (CASEL, 2020; Zins, Weissberg, Wang & Walberg, 2004).

Kecerdasan emosi penting untuk memastikan perkembangan murid yang seimbang dan menyeluruh, di mana murid yang mampu mengurus tekanan, mengekalkan fokus dan bermotivasi cenderung mencapai prestasi akademik yang lebih baik (Parker et al., 2004; Mathivalan & Muhammad Syawal Amran, 2020). Kecerdasan emosi turut memperkukuh kemahiran sosial dan keupayaan membentuk hubungan yang sihat serta mengurangkan konflik (Durlak et al., 2011). Pada peringkat masyarakat, perkembangan empati, pemahaman dan komunikasi berkesan membantu murid menghargai perbezaan perspektif dan menyumbang kepada keharmonian sosial (Epstein, 2018). Murid yang mempunyai kecerdasan emosi tinggi juga kurang cenderung terlibat dalam buli, tingkah laku agresif dan penyalahgunaan bahan, sebaliknya lebih menunjukkan perwatakan baik dan tingkah laku prososial seperti membantu, berkongsi dan bekerjasama (Aderemy Minhat dan Mohd Hisyam Mohd Hashim, 2012; Eisenberg et al., 2006). Kecerdasan emosi turut menggalakkan penglibatan sivik, kesukarelawanan dan tanggungjawab sosial (Klem & Connel, 2004), selain melahirkan bakal pemimpin yang mempunyai empati, kesedaran diri dan kemahiran sosial untuk mengurus pasukan, menyelesaikan konflik dan membuat keputusan yang bermanfaat. Oleh itu, masyarakat perlu menyedari bahawa kecerdasan intelek sahaja tidak mencukupi dan harus bekerjasama dengan institusi pendidikan melalui penyediaan persekitaran kondusif, sokongan emosi serta program komuniti. Pada peringkat KPM, kecerdasan emosi perlu diintegrasikan dalam dasar dan kurikulum pendidikan bagi meningkatkan pencapaian akademik, mengurangkan masalah disiplin, menyokong kesihatan mental dan mencegah keciciran murid (Durlak et al., 2011). KPM juga perlu menyediakan modul latihan kepada guru supaya

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

konsep kecerdasan emosi dapat diterapkan secara berkesan dalam pengajaran harian, sekali gus menyokong institusi pendidikan dalam menyediakan pendidikan berkualiti tinggi, adil dan menyeluruh kepada semua lapisan masyarakat.

II. Pernyataan Masalah

Kajian lepas menunjukkan bahawa kecerdasan emosi kebanyakan murid di negara Malaysia masih berada di tahap sederhana (Nurul Aina Najihah Zurin & Shahlan Surat, 2024; Noor Haslinda Shuib et al., 2018; Balan Rathakrisnan et al., 2019). Dalam perbandingan dengan negara maju lain, murid dari negara Singapura dan Korea Selatan menunjukkan tahap kecerdasan emosi yang lebih tinggi, terutamanya dalam aspek pengurusan diri dan hubungan sosial (OECD, 2022). Hal ini bersangkut-paut dengan program pendidikan yang lebih komprehensif serta sokongan emosi yang lebih baik dalam sistem pendidikan mereka (OECD, 2022; Ministry of Education, 2012; IntechOpen, 2023; UNESCO, 2023). Program Social-Emotional Learning (SEL) di Malaysia masih berada di tahap awal perkembangan berbanding dengan negara-negara seperti Amerika Syarikat dan United Kingdom yang mempunyai program SEL yang lebih terstruktur dan komprehensif (Department of Education, 2011; Asyraf Ab Latif & Norazilawati Abdullah, 2016; CASEL, 2022; Geok Har Yong et al., 2023; Skills Builder Partnership, 2023; Brackett, 2024). Jika dibandingkan dengan negara serantau terdekat iaitu Singapura, perbezaan ketara dalam kemajuan pelaksanaan program SEL dapat dilihat secara jelas. Negara Malaysia boleh dikatakan jauh ketinggalan di mana pendidikan karakter hanya diperkenalkan dalam Kurikulum Persekolahan 2027 sedangkan Singapura sudah melaksanakan program yang serupa iaitu Character and Citizenship Education (CCE) bermula tahun 2011.

Dari segi pencapaian akademik pula, pencapaian murid Malaysia berdasarkan atas penandaarasan antarabangsa masih belum mencapai tahap yang memuaskan. Dalam laporan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS) 2019, pencapaian murid Malaysia dalam mata pelajaran Matematik dan Sains menunjukkan pencapaian yang lebih rendah berbanding beberapa negara jiran seperti Singapura dan Korea Selatan (Mullis et al., 2020). Pencapaian murid dalam kajian standard prestasi ini turut menunjukkan bahawa ianya di bawah paras skor purata bagi negara-negara yang menyertai kajian yang dinyatakan. Selain itu, pencapaian akademik Malaysia dalam *Programme for International Assessment* (PISA) turut memaparkan data yang membimbangkan. Dalam laporan PISA 2022, murid Malaysia menunjukkan pencapaian sederhana dalam membaca, matematik dan sains berbanding dengan purata OECD. Murid Malaysia mencatat skor purata yang lebih rendah berbanding murid dari negara maju seperti Singapura, Finland dan Kanada (OECD 2022).

Pemahaman yang lebih mendalam mengenai hubungan antara kecerdasan emosi dan pencapaian murid akan memberikan implikasi positif yang besar dalam bidang pendidikan di negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan budaya. Kemahiran-kemahiran dalam kecerdasan emosi akan menyumbang kepada pembelajaran efektif, kerjasama dengan rakan sebaya dan mengatasi tekanan serta cabaran harian. Pendidikan kecerdasan emosi di sekolah rendah bukan sahaja membantu dalam perkembangan akademik tetapi juga dalam membentuk sahsiah dan kemahiran hidup murid. Guru dan pihak berkepentingan lain perlu memahami implikasi positif dan negatif ini untuk memaksimumkan potensi setiap murid dalam mencapai kejayaan akademik dan kehidupan yang berjaya.

Kajian tempatan tentang hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian murid masih sangat terhad, terutamanya dalam konteks sekolah rendah. Kajian lepas berkaitan isu ini lebih banyak menjurus kepada peringkat sekolah menengah atau universiti. Lebih banyak kajian diperlukan untuk membentuk dasar, program atau intervensi yang berkesan untuk meningkatkan kecerdasan emosi dalam kalangan murid di negara Malaysia. Kajian seperti ini adalah sangat penting kepada sistem pendidikan di Malaysia agar selari dengan peredaran zaman dan kehendak masa kini.

III. Definisi Konseptual

3.1 Kecerdasan Emosi

Kecerdasan emosi didefinisikan sebagai keupayaan seseorang individu dalam memantau emosi diri sendiri dan orang lain, membezakan antara emosi yang berlainan, serta menggunakan maklumat ini untuk membimbing pemikiran dan tindakan (Mayer & Salovey, 1997). Menurut David Goleman (1995) pula, kecerdasan emosi ialah kemampuan untuk mengenali perasaan diri sendiri dan orang lain, untuk memotivasikan diri sendiri, dan untuk mengurus emosi dengan baik, baik secara dalaman mahupun dalam hubungan dengan orang lain. Menurut Bar-On (1997), individu yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi boleh menggunakan kemahiran emosi untuk membimbing pemikiran dan tindakan. Dalam teori Howard Gardner (1983), dua daripada lapan kecerdasan manusia adalah berkaitan dengan

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

kecerdasan emosi, iaitu kecerdasan intrapersonal dan kecerdasan interpersonal.

Kecerdasan emosi semakin diiktiraf sebagai faktor penting untuk kejayaan dalam pelbagai aspek kehidupan. Kecerdasan emosi boleh mempertingkatkan hubungan peribadi di mana individu yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi boleh memahami dan mengurus emosi mereka dengan lebih efektif, sejurusnya membawa kepada komunikasi yang lebih jelas dan berkesan (Goleman 1995). Kecerdasan emosi yang tinggi turut dapat membantu dalam penyelesaian konflik secara aman dengan memahami dan menangani emosi yang terlibat (Mayer & Salovey, 1997). Individu yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi lebih cenderung untuk mencapai kesihatan mental dan kesejahteraan yang baik daripada aspek pengurusan tekanan yang lebih baik (Salovey, Bedell, Detweiler & Mayer, 1999) serta nilai empati yang membolehkan mereka memahami emosi orang lain, mengurangkan perasaan kesepian dan menggalakkan hubungan sosial (Davis, 1983). Kecerdasan emosi ini turut menerima tempiasnya dalam sektor pendidikan. Sistem pendidikan di seluruh dunia telah banyak mengalami perubahan seiring dengan kesedaran tentang kepentingan kecerdasan emosi dan implikasinya kepada perkembangan murid. Sebagai contoh, perubahan-perubahan dalam pendidikan ini turut tercatat dalam banyak dasar yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia seperti dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Dasar 1 Murid 1 Sukan serta Pendidikan Inklusif. Semua yang dihasratkan oleh KPM ini adalah untuk melahirkan insan murid yang seimbang dan harmonis dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek (JERI) seperti yang terkandung dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (KPM, 1992).

Dalam konteks pendidikan masa kini, kecerdasan emosi memainkan peranan penting dalam memperkasa pencapaian akademik murid. Murid dengan kecerdasan emosi yang tinggi dapat menguruskan tekanan akademik dengan lebih baik, yang akan membolehkan mereka kekal fokus dan bersemangat dalam pembelajaran (MacCann et al., 2020). Mereka juga cenderung untuk memiliki kemahiran sosial yang baik, dan hal ini membolehkan mereka berinteraksi secara positif dengan guru dan rakan-rakan. Hal ini amat penting untuk bukan sahaja pembelajaran kolaboratif, tetapi turut menyumbang kepada peningkatan perasaan keterikatan dengan sekolah (Carvalho & Santos, 2021). Kecerdasan emosi yang tinggi akan membantu meningkatkan motivasi diri dalam kalangan murid di mana mereka boleh mengenali dan mengawal perasaan mereka, yang seterusnya meningkatkan motivasi intrinsik untuk mencapai matlamat akademik. Mereka akan cenderung untuk lebih berusaha dan bersungguh-sungguh dalam mencapai pencapaian akademik yang cemerlang (Pekrun et al., 2017). Dengan kecerdasan emosi yang baik, keupayaan murid dalam mengatasi masalah turut akan meningkat di mana mereka akan lebih cekap dalam menyelesaikan masalah dan membuat keputusan, dan hal ini membolehkan mereka mengatasi cabaran akademik dengan lebih efektif (Halimi, AlShammari & Navarro, 2021; Marjanović et al., 2021). Kecerdasan emosi juga sangat relevan dalam menjaga kesihatan mental dan emosi murid. Kesihatan mental dan emosi memainkan peranan yang sangat penting di mana ia merupakan asas kepada pembelajaran yang berkesan, sejurusnya menyumbang kepada pencapaian akademik yang tinggi (Sanchez-Alvarez et al., 2020). Boleh disimpulkan bahawa kecerdasan emosi ini memainkan peranan yang sangat penting dari aspek sosial, dan hal ini boleh mendatangkan implikasi besar kepada masyarakat Malaysia yang berbilang kaum dan bangsa. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan murid adalah penting kerana ia boleh membantu mereka menghadapi pelbagai cabaran sosial dan akademik yang akan dialami dalam persekitaran pembelajaran.

3.2 Pencapaian Akademik

Pencapaian akademik merujuk kepada sejauh mana seorang murid, guru, atau institusi telah mencapai matlamat pendidikan jangka pendek atau jangka panjang yang ditentukan. Pencapaian akademik biasanya diukur melalui ujian piawai, penilaian, gred, dan prestasi akademik keseluruhan dalam konteks pendidikan (Elliot, Dweck & Yeager, 2017). Pencapaian akademik yang tinggi sering kali mencerminkan kecekapan murid dalam memahami dan menerapkan pengetahuan serta kemahiran dalam pelbagai subjek (Robbins et al., 2004). Antara beberapa cara pengukuran pencapaian akademik di Malaysia ialah peperiksaan awam seperti Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Pentaksiran Bilik Darjah (PBD) dan Ujian Akhir Sesi Akademik merupakan pentaksiran berasaskan sekolah di mana ia boleh memberikan gambaran yang lebih menyeluruh mengenai keupayaan murid dalam pelbagai aspek. Bagi murid sekolah rendah yang tidak menduduki peperiksaan awam, penilaian pencapaian akademik mereka adalah berdasarkan guru mata pelajaran masing-masing.

Struktur pendidikan di Malaysia adalah serupa dengan negara maju, yang terdiri daripada

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

pendidikan prasekolah, pendidikan rendah, pendidikan menengah dan pendidikan tinggi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2020). Walau bagaimanapun, beberapa perbezaan utama dapat dilihat dari segi pendekatan pendidikan dan hasilnya. Antaranya perbezaan utama dapat dilihat di mana negara maju seperti Finland dan Singapura cenderung mempunyai kurikulum yang lebih fleksibel dan berfokus kepada pembelajaran berpusatkan murid serta pembangunan kemahiran abad ke-21 (Sahlberg, 2014; OECD, 2022).

IV. Tujuan Kertas Konsep

Melalui kajian perpustakaan yang telah dijalankan, didapati bahawa tahap kecerdasan emosi dan pencapaian akademik dalam kalangan murid di Malaysia masih berada di tahap yang tidak memberangsangkan. Kertas konsep ini bertujuan untuk meneroka hubungan antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik, faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah tahap kecerdasan emosi rendah, dan cadangan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan untuk meningkatkan kecerdasan emosi dalam kalangan murid. Kertas konsep ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada semua pihak berkepentingan dalam melahirkan generasi muda yang cerdas emosi dan mengurangkan implikasi negatif kecerdasan emosi rendah terhadap kualiti pembelajaran.

V. Objektif Kertas Konsep

Peningkatan kecerdasan emosi dalam kalangan murid menghadapi pelbagai cabaran yang perlu ditangani dengan cara berhemah. Justeru, kertas konsep ini bertujuan untuk:

1. Mensintesis bukti mengenai hubungan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik murid sekolah rendah.
2. Menganalisis faktor pada peringkat murid, keluarga, sekolah dan sosiobudaya yang mempengaruhi kecerdasan emosi murid.
3. Menganalisis cabaran pelaksanaan pendidikan kecerdasan emosi dalam sistem persekolahan Malaysia.
4. Mencadangkan strategi berasaskan bukti yang sepadan dengan faktor dan cabaran yang dikenal pasti.

VI. Teori Kecerdasan Emosi

6.1 Teori Kecerdasan Emosi Salovey dan Mayer (1990)

Struktur dan komponen Teori Kecerdasan Emosi oleh Salovey dan Mayer (1990) memecahkan kecerdasan emosi kepada empat cabang utama, iaitu persepsi emosi, penggunaan emosi untuk memudahkan pemikiran, pemahaman emosi, dan pengurusan emosi. Model ini digunakan untuk mencipta alat pengukuran seperti ujian atau inventori yang menilai tahap kecerdasan emosi individu berdasarkan komponen-komponen yang telah dikenal pasti. Model ini lebih fokus pada aplikasi praktikal dan boleh digunakan dalam latihan, pembangunan diri, pendidikan, dan intervensi pemulihan (Mayer & Salovey, 1997).

VII. Teori Pencapaian Akademik

Teori pembelajaran kendiri yang dikembangkan oleh Barry J. Zimmerman dan Dale H. Schunk adalah satu pendekatan yang menekankan keupayaan pelajar untuk mengawal dan mengurus pembelajaran mereka sendiri. Teori ini menekankan bahawa pembelajaran kendiri melibatkan proses yang teratur di mana pelajar menetapkan matlamat, memantau kemajuan, dan merefleksikan hasil pembelajaran mereka (Zimmerman & Schunk, 2018).

VIII. Dasar-Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Peningkatan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Murid

Dasar pendidikan Malaysia memberikan penekanan terhadap pembelajaran emosi dan sosioemosi bagi melahirkan murid yang seimbang dan holistik. Falsafah Pendidikan Kebangsaan mengiktiraf emosi sebagai salah satu aspek utama perkembangan individu, bersama-sama unsur jasmani, rohani dan intelek. Penekanan ini menunjukkan bahawa keupayaan memahami dan mengurus emosi penting dalam pembentukan sahsiah murid.

Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 turut menyokong perkembangan sosioemosi melalui program seperti Pembimbing Rakan Sebaya, pendidikan sivik, aktiviti kokurikulum, sukan dan pembangunan sahsiah. Program-program ini membantu murid mengenali dan mengawal emosi, membina keyakinan diri, berkomunikasi dengan berkesan serta menjalinkan hubungan yang sihat. Elemen pembelajaran sosial dan emosi juga diterapkan dalam KSSR dan KSSM melalui aktiviti bilik darjah dan interaksi rakan sebaya yang menggalakkan kerjasama, toleransi dan empati.

Selain itu, RIMUP dan Dasar 1 Murid 1 Sukan menyediakan ruang kepada murid daripada pelbagai latar belakang untuk berinteraksi. Aktiviti tersebut membentuk disiplin, kepimpinan, semangat berpasukan, rasa hormat dan kebolehan menyesuaikan diri dalam persekitaran sosial.

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

Kurikulum Persekolahan 2027 pula memperkukuh kecerdasan emosi melalui pendidikan nilai, aktiviti kokurikulum, latihan guru serta penyediaan persekitaran pembelajaran yang positif dan inklusif. Program anti-buli, kempen kesihatan mental dan perkhidmatan kaunseling turut menyokong kesejahteraan emosi murid. Keseluruhannya, pembelajaran sosioemosi penting untuk melahirkan individu yang empati, bertanggungjawab, berdaya tahan dan mampu berinteraksi secara positif dalam masyarakat.

IX. Kajian Literatur

9.1 Kajian Lepas dalam Malaysia

Kajian lepas yang telah dijalankan dalam negara telah menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik ini. Walaupun kajian-kajian ini amatlah terhad, tetapi ia memberi penggambaran betapa pentingnya murid memperkembangkan kecerdasan emosi untuk bukan sahaja kejayaan akademik, tetapi juga kepada kepuasan hidup dan kesejahteraan secara menyeluruh.

Kajian Wong dan Koh (2021) mendapati bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dengan pencapaian akademik murid sekolah menengah di Pulau Pinang. Kajian ini menunjukkan bahawa murid yang memiliki kecerdasan emosi yang tinggi menunjukkan pencapaian yang lebih baik dalam mata pelajaran sains dan matematik. Sebaliknya, murid yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang rendah menjadi kurang bermotivasi dan mengalami tekanan akademik yang sangat tinggi, sejurusnya menjejaskan keputusan akademik mereka.

Seterusnya, Mathivalan dan Muhammad Syawal Amran (2020) dalam kajian mereka terhadap murid sekolah rendah di Terengganu pula mendapati bahawa kecerdasan emosi membantu mereka mengatasi tekanan peperiksaan dan meningkatkan keputusan akademik mereka. Pemerkasaan kecerdasan emosi dalam kalangan murid boleh meningkatkan bukan sahaja keupayaan mengurus tekanan akademik, tetapi juga membantu dalam interaksi murid dengan rakan sebaya, sejurusnya menyumbang kepada kecemerlangan akademik. Penekanan terhadap peranan guru juga diberikan dalam membimbing murid untuk menjadi individu yang pintar emosi bagi perkembangan yang menyeluruh.

Selain itu, dalam kajian Noor Haslinda Shuib, Noriah Mohd. Ishak dan Ismail Ahmad (2018) tentang hubungan antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik dalam kalangan murid universiti di Malaysia, dapatan kajian menunjukkan bahawa murid yang mempunyai kecerdasan emosi yang tinggi lebih cemerlang dalam aspek akademik dan menunjukkan pencapaian akademik yang konsisten. Kajian ini turut mencadangkan bahawa latihan kecerdasan emosi perlu dijadikan sebahagian daripada program orientasi pelajar baharu di universiti.

Jumlah kajian yang terhad mengenai kecerdasan emosi di Malaysia menjadi salah satu faktor utama yang menyumbang kepada kekurangan pemahaman yang mendalam mengenai fenomena ini. Kajian kecerdasan emosi di peringkat global telah menunjukkan kepentingan kecerdasan emosi dalam kejayaan akademik dan sosial (Mayer, Caruso, & Salovey, 2016). Namun, di Malaysia, kajian-kajian ini masih dalam tahap permulaan dan kurang menyeluruh. Walaupun terdapat peningkatan minat terhadap kecerdasan emosi, kebanyakan kajian yang dijalankan adalah berskala kecil dan tidak representatif. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk menggeneralisasikan penemuan kajian tersebut kepada populasi murid secara keseluruhan.

Kekurangan data yang komprehensif mengenai kecerdasan emosi di Malaysia juga menyukarkan pembentukan dasar dan program pendidikan yang berkesan. Tanpa data yang mencukupi, adalah sukar untuk mengenal pasti keperluan khusus murid dan untuk merancang intervensi yang berkesan. Sebagai contoh, data yang terhad mengenai tahap kecerdasan emosi dalam kalangan murid dari pelbagai latar belakang budaya dan sosioekonomi menyukarkan usaha untuk merangka program yang bersifat inklusif dan berfokus terhadap kepelbagaian ini.

Selain itu, penilaian kecerdasan emosi yang tidak konsisten dan tidak standard menyebabkan sukar untuk membuat perbandingan antara kajian. Hal ini disebabkan kurang instrumen penilaian kecerdasan emosi yang disesuaikan dengan kepelbagaian budaya di Malaysia, dan sejurusnya menghalang pembangunan pengetahuan yang mendalam mengenai kecerdasan emosi dan kesannya terhadap perkembangan murid.

Keterbatasan dalam kajian dan data mengenai kecerdasan emosi memberi kesan langsung kepada perkembangan murid. Tanpa pemahaman yang mendalam tentang kecerdasan emosi, guru dan pihak sekolah malah Kementerian Pelajaran Malaysia tidak mempunyai panduan yang jelas tentang cara terbaik untuk mengintegrasikan pengajaran kecerdasan emosi dalam kurikulum. Masalah ini sewajarnya diatasi segera supaya murid mendapat manfaat sepenuhnya daripada potensi kecerdasan emosi dalam meningkatkan keupayaan akademik dan kesejahteraan emosi mereka.

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

9.2 Kajian Lepas Luar Negara

Kajian-kajian luar negara juga menunjukkan hubungan yang signifikan antara kecerdasan emosi dan pencapaian akademik murid. Penemuan-penemuan ini menekankan kepentingan kecerdasan emosi dalam meningkatkan pencapaian akademik murid dalam pelbagai konteks pendidikan antarabangsa.

Menurut MacCann et al. (2020), pelbagai domain kecerdasan emosi berkemungkinan besar meramalkan prestasi akademik melalui laluan yang berbeza. Pengetahuan tentang sebab dan akibat emosi serta perbendaharaan kata emosi, bersama-sama dengan pengurusan situasi di mana emosi memainkan peranan berpotensi merupakan bahagian terpenting kecerdasan emosi untuk prestasi akademik.

Selain itu, kajian oleh Arias, Soto-Carballo dan Pino-Juste (2022) telah menggunakan reka bentuk kajian kuasi eksperimental di Pontevedra, Sepanyol. Instrumen kajian yang digunakan ialah Skala Motivasi Sekolah dan borang soal selidik mengenai kecerdasan emosi dalam kalangan murid sekolah rendah. Hasil kajian mendapati bahawa murid yang mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi lebih bermotivasi untuk belajar dan melaksanakan tugasan di sekolah. Mereka lebih peka tentang kesedaran emosi dan mempunyai empati serta kemahiran sosial (Arias et al., 2022).

Kajian oleh Gkintoni et al. (2023) telah mendapati bahawa kecerdasan emosi mempunyai kesan yang besar terhadap pencapaian akademik, hubungan interpersonal, dan persekitaran umum dalam sesebuah institusi pendidikan. Kecerdasan emosi dapat menyumbang kepada hubungan interpersonal yang lebih sihat, kebolehan penyelesaian konflik, dan peningkatan pencapaian akademik dalam kalangan murid. Dalam hasil kajian, adalah dirumuskan bahawa sekolah berfungsi sebagai platform untuk murid memperoleh kemahiran dalam mengurus dimensi sosial dan emosi kehidupan.

9.3 Faktor Murid

Walaupun sudah amat jelas implikasi kecerdasan emosi terhadap pencapaian akademik murid, realitinya adalah masih terdapat banyak masalah dalam usaha melahirkan generasi muda yang berkeupayaan untuk mencapai tahap kecerdasan emosi yang tinggi. Ramai murid masih kurang kesedaran tentang kepentingan kecerdasan emosi dalam pembelajaran mereka. Salah satu aspek yang penting dalam isu ini adalah kesedaran emosi murid itu sendiri. Kesedaran emosi murid dapat memainkan peranan penting dalam memahami dan mengelola emosi individu, dan hal ini sememangnya mendatangkan implikasi kepada pencapaian akademik mereka. Kajian menunjukkan bahawa ketiadaan kesedaran dalam diri dari aspek emosi mungkin menyebabkan seseorang murid sukar untuk memahami emosi diri dan pemikiran rakan mereka (Mathivanan & Muhammad Syawal Amran, 2020). Hal ini boleh membawa kepada sikap mementingkan diri dan kegagalan untuk berkomunikasi dengan baik. Dalam pada itu, mereka juga kurang pendedahan terhadap cara meningkatkan kecerdasan emosi ekoran ketiadaan masa khusus dalam kurikulum tentang cara-cara mengenali, mengawal dan mengurus emosi dengan baik.

Tekanan akademik merujuk kepada tekanan emosi yang dialami oleh murid untuk mencapai pencapaian akademik yang tinggi. Ia sering kali disebabkan oleh pelbagai penilaian dan jadual pembelajaran yang padat. Pelbagai penilaian seperti ujian, peperiksaan, tugasan, dan projek boleh menyebabkan tekanan emosi yang tinggi kepada murid. Murid sering merasa tertekan untuk mencapai prestasi yang tinggi dalam setiap penilaian yang diberikan. Kajian lepas Mohammad Arif Johari dan Sa'odah Ahmad (2019) menyatakan bahawa antara punca tekanan akademik adalah terlalu banyak tugasan yang diberikan oleh guru, persaingan dengan murid lain, kegagalan, dan pengharapan ibu bapa dan guru. Harapan yang tinggi dari guru, ibu bapa, dan masyarakat untuk mencapai kecemerlangan akademik dapat memberikan tekanan tambahan kepada murid untuk berprestasi (Norasikin Kaslim & Muhamad Faisal Ashaari, 2022). Ketika murid merasa bahawa mereka diharapkan untuk mencapai prestasi tinggi oleh pihak-pihak yang penting dalam hidup mereka, seperti guru, ibu bapa, dan masyarakat, mereka juga merasa tertekan untuk memenuhi harapan tersebut. Harapan yang tinggi dapat menimbulkan rasa takut akan kegagalan. Murid juga merasa takut akan kekecewaan dan kritikan jika mereka tidak dapat memenuhi harapan tersebut. Selain itu, harapan yang tinggi juga dapat menyebabkan murid merasa terlalu tertekan dengan beban akademik. Mereka juga merasa perlu untuk mengejar pencapaian akademik yang tinggi di semua bidang, termasuk pelajaran, kokurikulum, dan aktiviti luar sekolah. Tekanan untuk mencapai kecemerlangan dalam semua aspek kehidupan mereka dapat membuat murid stres dan terlalu sibuk, yang pada akhirnya dapat mempengaruhi keseimbangan hidup dan kesejahteraan mereka secara keseluruhan.

Masalah dalam hubungan sosial pula seperti konflik dengan rakan sebaya atau kekurangan kemahiran komunikasi boleh memberikan kesan

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

negatif kepada kecerdasan emosi dan pencapaian akademik murid. Konflik dalam hubungan sosial berhubung kait dengan kegelisahan, tekanan dan kemurungan (Shariffah Hanim Syed Ismail & Maizatul Haizan Mahbob, 2023), menyebabkan murid mengalami stres, kebimbangan, dan kebencian. Tekanan ini boleh menghalang kemampuan pelajar untuk mengendalikan emosi mereka dengan berkesan, yang merupakan aspek penting dari kecerdasan emosi. Kekurangan kemahiran komunikasi juga merupakan masalah yang serius yang boleh memberikan kesan negatif kepada kecerdasan emosi dan pencapaian akademik (Yahaya et al., 2010). Kemahiran komunikasi yang lemah boleh menghalang pelajar daripada mengungkapkan dan memahami emosi mereka dengan jelas kepada orang lain, yang boleh menyebabkan konflik dan ketidakfahaman dalam hubungan sosial. Selain itu, kekurangan kemahiran komunikasi boleh mempengaruhi keupayaan pelajar untuk berkolaborasi dengan rakan sebaya dan berinteraksi secara efektif dalam konteks pembelajaran.

9.4 Faktor Keluarga

Dalam era globalisasi yang serba mencabar ini, tekanan dan kekangan masa menjadi isu utama bagi kebanyakan ibu bapa di Malaysia. Tanggungjawab pekerjaan, tanggungjawab rumah tangga, dan komitmen sosial yang semakin meningkat menyumbang kepada tekanan yang dirasai oleh ibu bapa (Nurnazirah Jamadin, Samsiah Mohamad, Zurwina Syarkawi & Fauziah Noordin, 2015). Kesan tekanan ini tidak hanya terhad kepada kesihatan mental ibu bapa tetapi juga mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi anak-anak mereka. Tekanan ibu bapa sering kali berpunca daripada bebanan kerja yang tinggi, kurangnya masa berkualiti bersama keluarga, serta tanggungjawab yang bertambah dalam menguruskan kehidupan harian. Hal ini boleh mengakibatkan pelbagai kesan negatif terhadap kecerdasan emosi murid. Pertama, kurangnya masa berkualiti antara ibu bapa dan anak-anak mengurangkan peluang untuk anak-anak belajar mengurus emosi melalui contoh yang ditunjukkan oleh ibu bapa mereka. Pernyataan ini disokong oleh teori kognitif sosial Albert Bandura di mana pembelajaran mereka turut dikesan oleh faktor persekitaran seperti sokongan ibu bapa dan norma sosial komuniti. Selain itu, tekanan yang dialami oleh ibu bapa sering kali membawa kepada suasana rumah yang tegang dan konflik, yang mana ini boleh menjejaskan kestabilan emosi anak-anak. Kajian oleh Gan, Tan, Ang, Cheah, Siti Nor Yaacob. & Mansor Abu Talib (2022) menunjukkan bahawa murid yang kurang mendapat sokongan emosi daripada ibu bapa cenderung untuk menghadapi masalah dalam pengurusan emosi mereka sendiri. Ini boleh mengakibatkan masalah tingkah laku di sekolah, kesukaran dalam hubungan dengan rakan sebaya, dan prestasi akademik yang merosot.

Selain itu, ramai ibu bapa yang tidak mempunyai kesedaran tentang kepentingan aspek emosi dalam proses pembelajaran. Sesetengah ibu bapa juga mungkin kurang memberi penekanan kepada kecerdasan emosi dan lebih fokus kepada pencapaian akademik murid semata-mata. Ibu bapa sering kali mementingkan pembelajaran dalam kelas berbanding aktiviti luar yang melibatkan perkembangan emosi murid, dan hal ini boleh memberi impak negatif terhadap kecerdasan emosi mereka. Perkara ini tercetus apabila terdapat stigma atau persepsi yang kurang tepat tentang kecerdasan emosi, dan kecemerlangan akademik dilihat sebagai satu-satunya laluan untuk mencapai kejayaan dalam kehidupan.

Walaupun sekolah mempunyai tanggungjawab utama dalam mendidik murid, penglibatan ibu bapa juga merupakan faktor kritikal yang mempengaruhi perkembangan kecerdasan emosi. Kekurangan penglibatan ibu bapa boleh membawa kepada pelbagai masalah dalam perkembangan kecerdasan emosi murid di Malaysia. Penglibatan ibu bapa merujuk kepada pelbagai aktiviti yang dilakukan oleh ibu bapa untuk menyokong pembelajaran dan perkembangan anak-anak mereka, termasuk komunikasi dengan guru, bantuan dengan kerja rumah, dan penyertaan dalam aktiviti sekolah (Epstein, 2018). Kajian menunjukkan bahawa penglibatan ibu bapa yang aktif boleh meningkatkan pencapaian akademik, tingkah laku sosial, dan kesejahteraan emosi murid (Fan & Chen, 2001). Di Malaysia, terdapat pelbagai faktor yang menyumbang kepada kekurangan penglibatan ibu bapa dalam pendidikan anak-anak mereka. Antaranya termasuk kesibukan kerja, kurangnya pemahaman tentang pentingnya penglibatan dalam pendidikan, dan kekurangan program atau inisiatif yang menggalakkan penglibatan ibu bapa (Ahmad, 2021). Ramai ibu bapa merasa bahawa tanggungjawab pendidikan adalah sepenuhnya tanggungjawab sekolah, menyebabkan mereka kurang terlibat dalam aktiviti pendidikan anak-anak mereka. Kekurangan penglibatan ibu bapa boleh memberi kesan negatif terhadap perkembangan kecerdasan emosi murid. Tanpa sokongan emosi dan bimbingan dari ibu bapa, murid mungkin menghadapi kesukaran untuk mengurus emosi mereka, yang boleh membawa kepada masalah tingkah laku dan kesukaran dalam hubungan sosial. Murid yang kurang mendapat sokongan emosi dari rumah cenderung untuk mengalami tahap kebimbangan dan tekanan yang

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

lebih tinggi, yang boleh mengganggu proses pembelajaran mereka. Tambahan pula, penglibatan ibu bapa yang rendah juga boleh menyebabkan kurangnya pembangunan kemahiran sosial penting seperti empati, kawalan diri, dan kemahiran komunikasi. Hal ini kerana ibu bapa memainkan peranan penting dalam membentuk dan menguatkan kemahiran ini melalui interaksi harian dan percontohan tingkah laku, dan institusi keluarga merupakan suasana pembelajaran pertama setiap orang murid. Terdapat beberapa faktor yang menyumbang kepada masalah kekurangan penglibatan ibu bapa dalam perkembangan kecerdasan emosi murid. Ramai ibu bapa di Malaysia bekerja lebih dari satu pekerjaan atau mempunyai waktu kerja yang panjang, menyebabkan mereka kekurangan masa untuk terlibat dalam pendidikan anak-anak mereka. Sebilangan ibu bapa mungkin tidak menyedari betapa pentingnya penglibatan mereka dalam perkembangan emosi dan akademik anak-anak mereka. Kekurangan sokongan dari pihak sekolah di mana sekolah tidak menyediakan program atau inisiatif untuk menggalakkan penglibatan ibu bapa juga boleh menyebabkan ibu bapa merasa tidak dialu-alukan atau tidak diperlukan dalam proses pendidikan.

Ibu bapa juga merupakan agen penting dalam memberikan sokongan emosi kepada anak-anak. Namun begitu, kajian menunjukkan bahawa sebahagian besar ibu bapa di Malaysia terlalu sibuk dengan komitmen kerja sehingga tidak mempunyai masa yang cukup untuk memberikan sokongan emosi yang diperlukan oleh anak-anak mereka. Kekurangan masa bersama anak-anak boleh mengakibatkan hubungan yang renggang dan kurangnya komunikasi yang efektif, sekali gus menjejaskan kesejahteraan emosi mereka.

9.5 Faktor Guru dan Sekolah

Sokongan emosi merujuk kepada bimbingan dan sokongan yang diberikan kepada murid untuk membantu mereka mengurus dan memahami emosi mereka. Pendidikan di Malaysia sering kali memberi penekanan yang besar kepada pencapaian akademik dan keputusan peperiksaan. Namun, aspek sokongan emosi kepada murid kerap diabaikan. Kekurangan sokongan ini boleh memberi impak yang signifikan terhadap perkembangan psikologi dan akademik murid.

Guru memainkan peranan penting dalam membentuk perkembangan emosi murid. Walaupun guru-guru di Malaysia diberi latihan dalam bidang pedagogi, sokongan emosi sering kali tidak diberi keutamaan yang sewajarnya. Guru-guru kebanyakannya tidak dilengkapi dengan kemahiran pengurusan emosi kurang efektif dalam mengenal pasti dan menangani isu emosi murid. Hal ini mungkin merupakan punca murid-murid berasa terasing dan kurang bersemangat untuk belajar. Dalam konteks pendidikan di Malaysia, ramai guru yang belum mempunyai kesedaran tentang peranan kecerdasan emosi dalam pendidikan. Hal ini melibatkan kesedaran terhadap perasaan dan keadaan emosi murid, serta kemampuan untuk bertindak dengan sensitif dan bertindak sesuai untuk menyokong perkembangan emosi dan pembelajaran mereka. Guru juga menghadapi kesukaran dalam mengenali dan bertindak balas terhadap keperluan emosi pelajar di dalam kelas. Faktor-faktor yang menyumbang kepada kesukaran ini termasuk kurangnya kesedaran dan latihan dalam bidang kecerdasan emosi, tekanan kerja yang tinggi, dan kekurangan sokongan serta sumber daya untuk pengembangan profesional guru dalam bidang tersebut.

Sekolah seharusnya menjadi tempat yang selamat dan menyokong perkembangan emosi murid. Walau bagaimanapun, kebanyakan sekolah di Malaysia masih kurang menyediakan program atau inisiatif khusus untuk sokongan emosi murid. Penekanan yang berlebihan kepada pencapaian akademik telah mengurangkan perhatian kepada kesejahteraan emosi murid. Hal ini boleh menyebabkan murid berasa tertekan dan tidak mampu menguruskan tekanan dengan baik.

Dalam era globalisasi dan dunia yang semakin mencabar, kecerdasan emosi menjadi elemen penting dalam pendidikan. Di Malaysia, pengajaran kecerdasan emosi dalam kalangan guru masih menghadapi pelbagai cabaran, termasuk kekurangan latihan dan sumber yang mencukupi.

Salah satu isu utama yang dihadapi oleh guru di Malaysia ialah kekurangan latihan yang khusus dalam bidang kecerdasan emosi. Program latihan guru di Malaysia masih kurang memberikan penekanan terhadap pengajaran kecerdasan emosi. Kurangnya latihan dalam kecerdasan emosi mengakibatkan guru kurang berkemampuan untuk mengenal pasti dan menangani emosi pelajar secara efektif, yang seterusnya boleh mempengaruhi pencapaian akademik dan kesejahteraan psikologi mereka.

Selain itu, kekurangan sokongan dan sumber daya untuk pengembangan profesional guru dalam bidang kecerdasan emosi turut menyulitkan mereka dalam mengenali dan bertindak balas terhadap keperluan emosi pelajar. Masih banyak sekolah di Malaysia masih kekurangan bahan pengajaran yang komprehensif dan berstruktur mengenai kecerdasan emosi. Kekurangan ini

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

termasuk bahan bacaan, modul latihan, dan bahan pengajaran yang sesuai untuk membantu guru mengintegrasikan kecerdasan emosi dalam kurikulum mereka. Selain itu, di sekolah kurang murid, kaunselor sekolah hanya merupakan lantikan dalaman sahaja, iaitu dilantik dalam kalangan guru akademik biasa. Perkara ini mendatangkan implikasi yang sangat negatif kerana guru akademik biasa kurang berupaya untuk mengendalikan masalah emosi serta melaksanakan program yang berkaitan. Keadaan ini diburukkan lagi apabila silabus pembelajaran sedia ada kurang merangkumi aspek kecerdasan emosi, serta dan sekolah kekurangan dana untuk memperolehi bahan-bahan ini.

Jadual waktu yang padat juga boleh memberi kesan negatif terhadap motivasi pengajaran guru. Apabila guru berada dalam keadaan keletihan dan tekanan, mereka mungkin tidak dapat memberikan tumpuan yang sepenuhnya semasa mengajar. Menurut kajian oleh Norashid Osman dan Hamzah Md. Omar (2014), terdapat hubungan langsung antara kesejahteraan guru dengan motivasi pengajaran di dalam kelas. Tidak dapat disangkal bahawa guru yang mengalami keletihan tidak akan berupaya untuk menambah unsur-unsur lebih seperti kecerdasan emosi dalam pengajaran kerana terpaksa fokus menghabiskan silabus terdahulu, lebih-lebih lagi apabila menghadapi tekanan untuk mencapai sasaran pencapaian akademik daripada ibu bapa, pihak sekolah, masyarakat dan kementerian. Tekanan kerja yang tinggi dan tuntutan kurikulum juga memberi cabaran kepada guru untuk memberikan perhatian yang mencukupi kepada keperluan emosi pelajar di dalam kelas.

Masalah kekurangan guru di Malaysia adalah isu yang semakin meruncing dan menjejaskan kualiti pendidikan, termasuk pengajaran kecerdasan emosi. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2022), bilangan pelajar meningkat sebanyak 5% setiap tahun sejak lima tahun kebelakangan ini, tetapi penambahan guru hanya sekitar 2%. Perbezaan ini menimbulkan ketidakseimbangan dalam nisbah guru kepada pelajar, yang mengakibatkan beban kerja guru semakin bertambah. Kekurangan guru menyebabkan kelas menjadi terlalu besar, dan hal ini menyukarkan guru untuk memberi perhatian yang mencukupi kepada setiap murid. Pengajaran kecerdasan emosi memerlukan pendekatan yang berpusatkan pelajar, di mana guru perlu memainkan peranan sebagai fasilitator yang membantu pelajar mengembangkan kemahiran emosi mereka.

Peranan guru sebagai fasilitator dalam mengajar kecerdasan emosi tidak dapat disangkal kerana guru merupakan pihak yang paling banyak berinteraksi dengan murid di sekolah. Masalah kekurangan guru ini secara langsung akan mengurangkan keupayaan dalam mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, mengintegrasikan pengajaran kecerdasan emosi dalam kurikulum, memberi maklum balas yang konstruktif serta mengadakan latihan dan sokongan emosi berterusan untuk murid di sekolah.

Pada masa kini, kecerdasan emosi belum sepenuhnya diintegrasikan dalam kurikulum sekolah rendah di Malaysia. Pendekatan pengajaran yang sedia ada mungkin tidak mencukupi untuk membina kecerdasan emosi murid secara sistematik dan menyeluruh.

Kurikulum adalah rancangan pengajaran yang merangkumi kandungan, strategi pengajaran, dan penilaian yang digunakan dalam proses pendidikan. Kurikulum yang komprehensif seharusnya merangkumi pembangunan kecerdasan emosi murid dengan memberikan ruang untuk aktiviti yang menggalakkan pengurusan emosi, empati, dan kemahiran sosial (Brackett et al., 2019). Namun, banyak kurikulum sekolah di Malaysia lebih menumpukan kepada pencapaian akademik semata-mata, mengabaikan aspek kecerdasan emosi yang sama kepentingannya. Perkara ini boleh dibuktikan dengan ketiadaan mata pelajaran atau slot masa yang khusus untuk pendidikan sosio-emosi mahupun pendidikan karakter.

Kurikulum yang kurang komprehensif cenderung mengabaikan aktiviti-aktiviti yang boleh membantu murid mengembangkan kecerdasan emosi mereka. Aktiviti seperti permainan peranan, perbincangan kumpulan, dan refleksi diri adalah penting untuk membina kemahiran kecerdasan emosi (Durlak et al., 2011). Tanpa aktiviti-aktiviti ini, murid mungkin menghadapi kesukaran dalam mengenali dan mengurus emosi mereka sendiri serta memahami emosi orang lain.

Guru memainkan peranan penting dalam pembangunan kecerdasan emosi murid. Namun, tanpa panduan dan latihan yang mencukupi dalam kurikulum, guru mungkin tidak mempunyai pengetahuan atau kemahiran untuk mengajar kecerdasan emosi secara efektif (Jennings & Greenberg, 2009). Perkara ini boleh menyebabkan murid kehilangan sokongan yang mereka perlukan untuk meningkatkan lagi kecerdasan emosi mereka.
Salah satu masalah utama yang dihadapi oleh KPM ialah kekurangan dana yang mencukupi untuk melaksanakan program-program yang berfokus pada pembangunan kecerdasan emosi. Menurut laporan Kementerian Pendidikan Malaysia (2022), peruntukan untuk program pembangunan kecerdasan emosi adalah terhad dan sering kali dipotong untuk

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

memberi keutamaan kepada keperluan asas seperti infrastruktur dan penyediaan buku teks. Kekurangan dana ini menyebabkan banyak sekolah tidak mampu menyediakan program-program atau intervensi yang diperlukan untuk memupuk kecerdasan emosi di kalangan murid. Tanpa program kecerdasan emosi yang mencukupi, murid tidak akan menerima pendedahan yang mencukupi dalam cara atau strategi menghadapi kesukaran dalam mengurus emosi mereka, sejurusnya menyumbang kepada masalah disiplin dan penurunan pencapaian akademik.

Tidak dapat disangkal bahawa guru memainkan peranan penting dalam pembangunan kecerdasan emosi murid. Namun, kekurangan sumber untuk latihan dan pembangunan profesional menyebabkan guru-guru tidak mendapat pendedahan dan kemahiran yang diperlukan untuk mengajar kecerdasan emosi dengan berkesan. Ramai guru di Malaysia merasa tidak yakin untuk mengajar kecerdasan emosi kerana mereka tidak menerima latihan yang mencukupi. Tanpa latihan yang betul, guru mungkin tidak dapat mengenal pasti atau menangani isu-isu emosi murid dengan efektif (Liau, Liau, Teoh & Liau, 2003; Fauziah Abdul Rahim & Lee, 2017).

Selain daripada latihan guru, kekurangan dana juga mengakibatkan kekurangan program dan modul kecerdasan emosi yang komprehensif dalam kurikulum sekolah. Program-program kecerdasan emosi yang dijalankan sering kali bersifat ad-hoc dan tidak diselaraskan secara sistematik di semua sekolah dan kebanyakan hanya dilaksanakan oleh guru bimbingan dan kaunseling. Tanpa program yang berstruktur dan konsisten, murid-murid tidak mendapat peluang yang mencukupi untuk mengembangkan kemahiran kecerdasan emosi mereka dalam persekitaran yang teratur dan menyeluruh.

Akhir sekali, kekurangan dana dan sumber untuk menjalankan kajian atau penyelidikan yang mendalam mengenai kecerdasan emosi dalam konteks pendidikan merupakan satu faktor yang harus diteliti oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Hal ini kerana ia akan menyukarkan usaha untuk mengumpul data yang mencukupi untuk membangunkan program atau dasar yang berkesan untuk membantu dalam perkembangan kecerdasan murid di Malaysia.

9.6 Faktor Sosiobudaya

Malaysia, sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian budaya yang kaya, memberikan satu konteks yang unik dalam memahami perkembangan kecerdasan emosi murid-muridnya. Kepelbagaian budaya ini tidak hanya mempengaruhi cara murid berinteraksi, tetapi juga membentuk norma sosial yang mendasari tingkah laku mereka. Dalam konteks sekolah, murid-murid daripada pelbagai latar belakang ini membawa bersama mereka norma-norma sosial yang berbeza, yang boleh mempengaruhi cara mereka mengurus emosi dan berinteraksi dengan rakan sebaya serta guru.

Norma sosial adalah peraturan atau piawaian tingkah laku yang diterima oleh sesebuah komuniti. Norma ini memainkan peranan penting dalam pembentukan kecerdasan emosi kerana ia mempengaruhi cara individu memproses dan mengekspresikan emosi mereka (Matsumoto et al., 2008). Dalam konteks Malaysia, norma sosial yang berkaitan dengan hormat kepada orang tua, kolektivisme, dan nilai kekeluargaan yang kuat mungkin menghalang murid daripada mengekspresikan emosi mereka secara terbuka (Kim & Park, 2007).

Sebagai contoh, murid daripada budaya yang menekankan kolektivisme mungkin mendapati sukar untuk menyuarakan perasaan atau kebimbangan mereka kerana bimbang akan mengganggu keharmonian kumpulan. Ini boleh membawa kepada masalah dalam mengenali dan mengurus emosi mereka sendiri, yang merupakan komponen penting dalam kecerdasan emosi.

Cabaran utama dalam perkembangan kecerdasan emosi dalam kalangan murid Malaysia adalah perbezaan dalam norma sosial antara budaya yang berbeza. Murid yang datang dari latar belakang budaya yang lebih terbuka mungkin berhadapan dengan konflik apabila berinteraksi dengan murid dari budaya yang lebih konservatif. Konflik ini boleh menyebabkan tekanan emosi dan ketegangan sosial, yang seterusnya boleh menghalang perkembangan kecerdasan emosi mereka (Hofstede, 2001).

Guru-guru juga memainkan peranan penting dalam membantu murid mengurus perbezaan ini. Guru yang tidak peka terhadap kepelbagaian budaya mungkin secara tidak sedar memihak kepada satu kumpulan budaya, menyebabkan murid dari budaya lain merasa terpinggir dan kurang berkeyakinan untuk mengekspresikan emosi mereka (Banks & Banks, 2010).

Di Malaysia, stigma terhadap kesihatan mental dan kecerdasan emosi sering menjadi penghalang kepada perkembangan kecerdasan emosi murid. Stigma ini boleh menyebabkan murid enggan mencari bantuan atau menyuarakan masalah mereka, yang seterusnya menghalang perkembangan kecerdasan emosi mereka.

Stigma terhadap kecerdasan emosi merujuk kepada persepsi negatif atau diskriminasi terhadap

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

individu yang menunjukkan kelemahan dalam pengurusan emosi mereka. Dalam konteks masyarakat Malaysia yang pelbagai budaya, stigma ini boleh menjadi lebih kompleks. Norma budaya tertentu mungkin memandang rendah terhadap ekspresi emosi terbuka, menganggapnya sebagai tanda kelemahan (Yong, Lin, Toh & Marsh, 2013). Sebagai contoh, budaya yang menekankan kolektivisme mungkin mengutamakan harmoni kumpulan dan menganggap ekspresi emosi negatif sebagai gangguan kepada keharmonian tersebut seperti yang telah dibincangkan dalam kepelbagaian budaya dan norma sosial di atas.

Stigma kesihatan mental merujuk kepada diskriminasi dan sikap negatif terhadap individu yang mengalami masalah kesihatan mental. Di Malaysia, stigma ini sering dikaitkan dengan kepercayaan tradisional dan kurangnya kesedaran tentang kesihatan mental (Munawar, Mukhtar, Choudhry & Ng, 2022). Murid yang mengalami masalah kesihatan mental mungkin enggan mencari bantuan kerana takut dihukum atau dipandang rendah oleh rakan sebaya dan masyarakat. Hal ini boleh menghalang mereka daripada mengembangkan kecerdasan emosi yang penting untuk mengurus emosi dan tekanan mereka.

Stigma terhadap kecerdasan emosi dan kesihatan mental boleh menghalang perkembangan kecerdasan emosi murid dalam beberapa aspek. Pertama, stigma ini boleh menyebabkan murid enggan mencari bantuan atau menyuarakan masalah mereka. Ini bermakna mereka mungkin tidak mendapat sokongan yang diperlukan untuk mengembangkan kemahiran kecerdasan emosi mereka (Corrigan & Watson, 2002). Kedua, stigma ini boleh menyebabkan murid mengalami tekanan emosi yang berlebihan, yang boleh mengganggu proses pembelajaran mereka dan menghalang perkembangan kecerdasan emosi mereka (Pescosolido et al., 2021).

Tambahan pula, guru dan pihak sekolah juga memainkan peranan penting dalam mengatasi stigma ini. Guru yang peka terhadap isu kesihatan mental dan kecerdasan emosi boleh membantu mengurangkan stigma dengan menggalakkan dialog terbuka dan menyokong murid yang memerlukan bantuan. Program pendidikan kesihatan mental dan kecerdasan emosi yang disesuaikan dengan konteks budaya Malaysia juga boleh membantu mengatasi stigma dan menyokong perkembangan kecerdasan emosi murid.

Masyarakat turut memainkan peranan dalam membentuk persekitaran yang menyokong perkembangan emosi murid. Namun begitu, kesedaran masyarakat Malaysia tentang pentingnya sokongan emosi masih rendah. Stigma terhadap isu-isu kesihatan mental menyebabkan ramai murid yang menghadapi masalah emosi tidak mendapatkan sokongan yang sewajarnya. Tanpa sokongan daripada masyarakat, murid-murid mungkin berasa terpinggir dan tidak dihargai.

9.7 Kesukaran Menilai dan Mengukur Kecerdasan Emosi

Penilaian dan pengukuran kecerdasan emosi adalah satu tugas yang kompleks dan sering menimbulkan kesukaran. Di Malaysia, cabaran ini boleh membawa kepada masalah dalam perkembangan kecerdasan emosi murid, yang seterusnya memberi kesan kepada prestasi akademik dan kesejahteraan emosi mereka (Mayer, Caruso, & Salovey, 2016).

Menilai kecerdasan emosi bukanlah perkara mudah kerana kecerdasan emosi melibatkan komponen yang subjektif dan sering kali sukar untuk diukur secara objektif. Instrumen-instrumen penilaian kecerdasan emosi yang wujud seperti Mayer-Salovey-Caruso Emotional Intelligence Test (MSCEIT) dan Emotional Quotient Inventory (EQ-i) mempunyai kekangan tersendiri dalam penggunaannya. Sebagai contoh, MSCEIT menggunakan senario hipotetikal yang mungkin tidak mencerminkan keadaan sebenar yang dihadapi oleh murid (Mayer et al., 2016).

Selain itu, konteks budaya di Malaysia juga menambah kepada kerumitan dalam menilai kecerdasan emosi. Instrumen-instrumen penilaian kecerdasan emosi yang dibangunkan di negara Barat mungkin tidak sesuai digunakan secara langsung dalam konteks Malaysia tanpa penyesuaian budaya. Hal ini kerana norma dan nilai budaya boleh mempengaruhi cara murid mengekspresikan dan mengurus emosi mereka, yang seterusnya mempengaruhi skor penilaian kecerdasan emosi mereka. Kekurangan alat dan instrumen yang berkesan untuk menilai kecerdasan emosi dengan tepat merupakan salah satu masalah yang harus ditangani dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia dalam membangunkan generasi muda yang holistik. Instrumen yang sedia ada masih lagi banyak kekurangan dan kurang sesuai diaplikasikan dalam konteks pendidikan di Malaysia (Harris Shah Abd Hamid & Mohamad Nahar Abd Razak, 2016).

Kesukaran dalam menilai kecerdasan emosi boleh membawa kepada beberapa masalah dalam perkembangan kecerdasan emosi murid di Malaysia. Tanpa alat penilaian yang tepat, adalah sukar untuk mengenal pasti murid yang memerlukan sokongan tambahan dalam mengembangkan kecerdasan emosi mereka. Menurut Zeidner, Roberts & Matthews (2012), hal ini boleh menyebabkan murid yang

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

mempunyai masalah emosi tidak mendapat intervensi yang diperlukan pada waktu yang tepat.

Sementelahan itu, penilaian kecerdasan emosi yang tidak tepat boleh memberi kesan kepada persepsi diri murid tentang kemampuan emosi mereka. Murid yang menerima skor rendah dalam penilaian kecerdasan emosi mungkin merasa kurang yakin dengan kemampuan mereka untuk mengurus emosi, yang boleh membawa kepada masalah persepsi diri dan motivasi (Brackett, Rivers, & Salovey, 2011).

Akhir sekali, kesukaran dalam mengukur kecerdasan emosi boleh menghalang perkembangan program intervensi yang berkesan. Tanpa penilaian yang tepat, adalah sukar untuk mengukur keberkesanan program-program yang direka untuk meningkatkan kecerdasan emosi murid. Hal ini boleh menghalang usaha untuk memperbaiki program-program tersebut dan memastikan bahawa ia memenuhi keperluan murid secara menyeluruh (Durlak et al., 2011).

X. Implikasi Perkembangan Kecerdasan Emosi dalam Kalangan Murid

Perkembangan kecerdasan emosi membawa implikasi yang luas kepada murid serta keseluruhan ekosistem pendidikan. Kecerdasan emosi bukan sekadar keupayaan mengenal pasti perasaan, tetapi turut melibatkan kebolehan mengurus emosi, memahami perspektif orang lain dan bertindak secara rasional. Oleh itu, usaha memperkembangkannya berpotensi meningkatkan kesejahteraan, hubungan sosial dan pencapaian akademik murid. Namun, manfaat tersebut tidak berlaku secara automatik; keberkesanannya bergantung pada kerjasama guru, ibu bapa, sekolah, masyarakat dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Pada peringkat individu, murid yang mempunyai kecerdasan emosi tinggi lazimnya lebih berupaya berempati, berkomunikasi dan menyelesaikan konflik. Kemahiran ini membolehkan mereka menyesuaikan diri dengan aktiviti pembelajaran individu mahupun berkumpulan serta membina hubungan positif dengan rakan sebaya dan guru. Keupayaan bekerjasama juga mengukuhkan jaringan sokongan sosial yang penting kepada kesejahteraan mereka. Dari sudut psikologi, pengurusan emosi membantu murid menghadapi tekanan dan kebimbangan dengan lebih tenang, sekali gus berpotensi mengurangkan risiko masalah seperti kemurungan dan kegelisahan (Mayer, Caruso, & Salovey, 2016). Kecerdasan emosi turut dikaitkan dengan harga diri, keyakinan dan daya tahan yang lebih tinggi ketika menghadapi kegagalan (Zeidner, Roberts, & Matthews, 2012).

Implikasi tersebut turut meliputi pencapaian akademik. Murid yang dapat mengawal emosi biasanya lebih fokus, bermotivasi dan berupaya menetapkan matlamat pembelajaran. Mereka juga cenderung menggunakan strategi yang lebih berkesan, termasuk pengurusan masa dan perancangan akademik (Perera & DiGiacomo, 2015). Walau bagaimanapun, hubungan ini perlu dinilai secara kritis kerana kecerdasan emosi bukan satu-satunya penentu pencapaian. Faktor seperti kualiti pengajaran, latar sosioekonomi, kemudahan pembelajaran dan sokongan keluarga turut mempengaruhi prestasi. Oleh itu, pendidikan kecerdasan emosi seharusnya melengkapi pengajaran akademik dan bukannya dianggap sebagai penyelesaian tunggal kepada masalah pembelajaran.

Bagi guru, penekanan terhadap kecerdasan emosi menyediakan panduan untuk mengenal pasti keperluan emosi murid dan merancang intervensi yang sesuai. Panduan yang sistematik membantu guru mengintegrasikan aktiviti kesedaran kendiri, pengurusan emosi dan penyelesaian konflik dalam pengajaran (Jennings & Greenberg, 2009). Latihan berterusan juga membolehkan guru mengesan tanda awal masalah emosi sebelum keadaan menjadi lebih serius (Brackett et al., 2020). Pada masa yang sama, pendekatan berasaskan kecerdasan emosi dapat meningkatkan pengurusan kelas, mengurangkan gangguan dan membentuk persekitaran pembelajaran yang lebih positif (Durlak et al., 2011). Pengetahuan ini turut membantu guru mengurus tekanan sendiri dan menangani situasi mencabar dengan tenang (Schonert-Reichl, 2017). Namun begitu, tanggungjawab tambahan tanpa latihan, masa dan sokongan profesional yang mencukupi boleh meningkatkan beban kerja serta tekanan guru.

Ibu bapa pula memainkan peranan penting dalam memastikan kemahiran yang dipelajari di sekolah diperkukuh di rumah. Pemahaman tentang kecerdasan emosi membantu mereka mengenali tekanan dan kebimbangan anak serta memberikan respons yang empatik dan konstruktif (Rivers et al., 2020; Brackett et al., 2020). Amalan komunikasi positif dan pengurusan konflik secara matang dapat mewujudkan keluarga yang lebih harmoni, selamat dan menyokong (Gottman et al., 2020; Greenberg et al., 2021). Ibu bapa juga boleh menghadiri bengkel, mendapatkan bahan bacaan dan mengaplikasikan strategi yang bersesuaian dalam kehidupan harian (Mayer et al., 2016). Kerjasama dengan pihak sekolah memastikan sokongan diberikan secara konsisten (Epstein, 2018). Walau bagaimanapun, penglibatan tersebut menuntut masa, sumber dan

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

komitmen, sedangkan tidak semua keluarga mempunyai kapasiti yang sama. Program yang dirancang tanpa mengambil kira kekangan ini berisiko melebarkan jurang sokongan antara murid.

Pada peringkat sekolah, pendidikan kecerdasan emosi berpotensi mengurangkan tingkah laku agresif dan masalah disiplin kerana murid lebih mampu mengawal diri serta menyelesaikan konflik secara konstruktif (Durlak et al., 2011; Brackett et al., 2020). Iklim sekolah juga menjadi lebih inklusif apabila murid dan guru berasa dihargai dan difahami. Program yang berstruktur boleh membantu murid mengurus tekanan peperiksaan dan tugasan, sekali gus menyokong pencapaian akademik (Rivers et al., 2020). Namun, kejayaannya memerlukan sumber manusia yang mencukupi, pemantauan dan pembahagian tugas yang munasabah. Dalam keadaan kekurangan guru, pelaksanaan program tambahan tanpa pengurangan beban lain boleh menjejaskan kualiti pengajaran.

Manfaatnya turut berpotensi berkembang kepada masyarakat. Kesedaran tentang kecerdasan emosi dapat mengurangkan stigma terhadap kesihatan mental dan menggalakkan individu mendapatkan bantuan apabila diperlukan (Zeidner et al., 2012). Sokongan komuniti pula membantu murid mengaplikasikan kemahiran sosial dan emosi di luar sekolah (Mayer et al., 2016). Program yang mengurangkan tingkah laku agresif dan antisosial juga mungkin menyumbang secara tidak langsung kepada masyarakat yang lebih selamat (Greenberg et al., 2021). Namun, kesimpulan bahawa kecerdasan emosi sahaja dapat mengurangkan jenayah perlu dibuat dengan berhati-hati kerana tingkah laku jenayah turut dipengaruhi faktor ekonomi, keluarga dan persekitaran sosial.

Bagi KPM, perkembangan kecerdasan emosi menyokong matlamat melahirkan generasi yang seimbang dari segi akademik, sosial dan psikologi. Kementerian boleh mengintegrasikan kemahiran ini dalam kurikulum, menyediakan modul serta memperluas latihan guru. Program yang tersusun berpotensi meningkatkan kesejahteraan murid, mengurangkan masalah disiplin dan menyokong pencapaian akademik (Mayer, Caruso, & Salovey, 2016; Brackett, Rivers, & Salovey, 2020). Kemahiran tersebut juga mempersiapkan generasi muda untuk membina hubungan positif, membuat keputusan matang dan menghadapi cabaran kehidupan (Greenberg et al., 2021). Namun, pelaksanaannya memerlukan guru terlatih, latihan berterusan, pemantauan dan peruntukan kewangan yang besar (Jennings & Greenberg, 2009; Schonert-Reichl, 2017; Zeidner, Roberts, & Matthews, 2012).

Kesimpulannya, kecerdasan emosi memberikan manfaat yang saling berkaitan kepada murid, keluarga, sekolah dan masyarakat. Walau bagaimanapun, keberkesanannya bergantung pada pelaksanaan yang terancang, inklusif dan berasaskan bukti. KPM perlu menilai program secara berkala, memastikan sokongan serta latihan mencukupi, dan mengelakkan penambahan beban tidak munasabah kepada guru dan ibu bapa. Dengan kerjasama sekolah, keluarga dan komuniti seperti yang ditekankan oleh Epstein (2018), pendidikan kecerdasan emosi boleh menjadi asas penting kepada pembentukan murid yang sejahtera, berdaya tahan dan berdaya saing.

XI. Cabaran dan Cadangan Mengatasi Isu Pencapaian Kecerdasan Emosi Murid

Cabaran pertama ialah kelemahan murid dalam mengurus tekanan, masa dan emosi. Murid perlu dibimbing mengamalkan pernafasan mendalam, relaksasi, meditasi, yoga dan kesedaran *(mindfulness)*, di samping menggunakan jurnal emosi untuk mengenal pasti pola perasaan dan tingkah laku. Mereka juga perlu menyediakan jadual harian bagi mengimbangi pembelajaran dengan aktiviti rekreasi. Strategi ini dapat mengurangkan tekanan serta meningkatkan kesedaran dan kawalan emosi (Rivers et al., 2020; Brackett et al., 2020; Duckworth et al., 2019). Murid bertanggungjawab melaksanakan amalan tersebut dengan bimbingan guru dan ibu bapa. Kejayaan dapat dinilai melalui pengurangan tahap stres, peningkatan kemahiran mengurus emosi dan pematuhan terhadap jadual pembelajaran.

Cabaran kedua ialah masalah emosi dan kesihatan mental yang tidak dikenal pasti atau ditangani lebih awal. Sekolah perlu menyediakan prosedur saringan, rujukan dan intervensi yang jelas supaya murid boleh mendapatkan bantuan daripada kaunselor, pakar kesihatan mental atau perkhidmatan sokongan lain tanpa stigma. Intervensi awal penting bagi mengurangkan risiko masalah yang lebih serius, termasuk tingkah laku mencederakan diri dan penyalahgunaan bahan (Greenberg et al., 2021). Sekolah, ibu bapa, kaunselor, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), agensi kesihatan dan NGO perlu melaksanakan tindakan ini secara bersama. Kejayaan dapat dilihat melalui peningkatan kadar murid mendapatkan bantuan, pemendekan tempoh menunggu dan peningkatan tahap kesejahteraan emosi.

Cabaran ketiga ialah tahap kesediaan dan kompetensi guru yang tidak seragam. Sekolah perlu melaksanakan latihan berasaskan Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC), bimbingan rakan sekerja dan pembangunan profesional berterusan tentang kecerdasan emosi, pengurusan bilik darjah

International Journal of Humanities Social Science and Management (IJHSSM)
Volume 6, Issue 5, Sep. – Oct., 2026, pp: 308-329 ISSN: 3048-6874
www.ijhssm.org

dan sokongan psikososial. Latihan berkualiti membantu guru mengenal pasti keperluan emosi murid dan menggunakan strategi pengajaran yang sesuai (Jennings & Greenberg, 2009; Schonert-Reichl, 2017). Sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan KPM bertanggungjawab menyediakan latihan tersebut. Kejayaan boleh diukur berdasarkan peningkatan kompetensi guru, kadar penyertaan dalam latihan dan kadar pelaksanaan strategi kecerdasan emosi dalam bilik darjah.

Cabaran keempat ialah kekangan kurikulum dan masa pengajaran. Bahagian Pembangunan Kurikulum KPM, sekolah dan guru perlu mengintegrasikan rutin pembelajaran sosial dan emosi (SEL) yang ringkas dalam mata pelajaran sedia ada seperti Bahasa Melayu, Pendidikan Moral dan Pendidikan Jasmani. Aktiviti seperti daftar masuk emosi, refleksi kendiri, perbincangan empati, lakonan situasi dan penyelesaian konflik boleh dilaksanakan tanpa mewujudkan mata pelajaran baharu. Sekolah juga perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang selamat dan inklusif serta menggunakan aktiviti sukan, seni, muzik dan debat untuk membina kerjasama dan empati (Jennings & Greenberg, 2009; Gottman et al., 2020). Kejayaan dapat dinilai melalui kekerapan pelaksanaan rutin SEL, penglibatan murid, peningkatan rasa selamat dan pengurangan kes buli atau konflik.

